

**UCAPAN PRESIDEN PERSATUAN PBT MALAYSIA (MALA)  
Y.BHG PUAN MAIMUNAH MOHD SHARIF SEMPENA MAJLIS  
PENUTUP KEJOHANAN SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
(PBT) MALAYSIA ( MALA ) 2011 DI DATARAN BANDARAYA  
MBMB PADA 3 DISEMBER 2011(SABTU) JAM 8.00 MALAM**

---

Bismillahirrahmanirrahim,

**Saudara/Saudari Pengacara Majlis,**

**Y.B. Datuk Md. Yunos Bin Husin  
Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Melaka**

**Y. Bhg Encik Zainal Bin Hj Abu  
Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**

**Ketua-ketua Pengurusan PBT dan wakil**

**Pengurus Pasukan dan Pemain-Pemain**

***Y. Bhg Dato'-Dato'; Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya  
hormati sekalian,***

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.*

**Saya mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan  
kehadiran Yang Berhormat / Y. Bhg Dato' / Tuan / Puan ke majlis  
pada malam ini.**

**Sebagai pembuka kata, saya ingin merakamkan ucapan terima  
kasih kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah yang telah  
sudi menjadi Penganjur Bersama Persatuan PBT Malaysia –  
Malaysian Association of Local Authorities atau ringkas MALA**

**Kejohanan Golf dan Ten Pin Boling dan Majlis Penutup Kejohanan Sukan PBT Tahun 2011.**

Saya baru sahaja dilantik menjadi Yang DiPertua MPSP dan dimaklumkan juga sebagai Presiden MALA. Terima kasih Encik Zainal kerana menjemput saya untuk ke Majlis yang bermakna ini.

***Yang Berhormat/Dato'-Dato' dan Tuan-tuan sekalian,***

Saya difahamkan salah satu matlamat utama MALA ialah untuk memupuk kerjasama dan persefahaman di antara PBT dalam semua aspek sama ada pentadbiran, berkongsi “best practices”, sukan dan lain-lain. Untuk program malam ini iaitu Majlis Penutup Sukan PBT Malaysia 2011, MALA telah dengan jayanya menganjurkan Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan selama 4 tahun iaitu Tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011. Kejohanan tahun 2011 ini merupakan kali ke-4, MALA menganjurkan Sukan Kerajaan Tempatan bersama PBT. Syabas MALA Kerana telah memeriahkan program sukan, di antara PBT ini. Untuk makluman, tahun 1995 merupakan tahun terakhir Sukan Kerajaan Tempatan dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Kuala Terengganu.

Pada tahun 2011 ini, aktiviti sukan yang telah dipertandingkan ialah Bolasepak 9 sebelah dan Ping Pong dalam bulan Mac di Majlis Bandaraya Johor Bahru, Futsal dan Petanque dalam bulan

**Mei di Majlis Perbandaran Kuantan, Memancing dan Dart dalam bulan Julai di Majlis Perbandaran Temerloh, Bola Tampar dalam bulan Oktober di Majlis Bandaraya Shah Alam, Bola Jaring dalam bulan November di Majlis Perbandaran Seremban, Golf dan Ten Pin Boling dalam bulan Disember yang baru selesai di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.**

Saya berpendapat bahawa melalui kegiatan sukan seperti ini, warga kerja PBT akan lebih rapat dan dapat kenal mengenal antara satu sama lain. Persahabatan dan persefahaman ini dapat mewujudkan perpaduan antara kakitangan PBT yang boleh membantu menghadapi isu-isu kerajaan tempatan.

***Yang Berhormat/Dato'/ Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,***

Kekuatan MALA datang dari keahliannya. Keahlian MALA adalah terdiri dari PBT yang termasuk Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah atau mana-mana badan atau organisasi yang diberi kuasa atau fungsinya sama seperti PBT. Keahlian adalah atas nama organisasi

Saya difahamkan kini MALA mempunyai keanggotaan 50 ahli berbanding dengan 145 buah PBT yang wujud di Malaysia. Lebih keahlian bermakna lebih kuat, lebih bersatu dan lebih bersepakat PBT di bawah payung MALA. Oleh itu saya mengalu-alukan supaya PBT yang tidak menjadi ahli lagi, segera menjadi ahli MALA sekarang.

Komitmen Ahli MALA adalah perlu bagi memastikan kejayaan MALA. Ahli-Ahli MALA perlu berperanan sebagai rakan kongsi dalam perkongsian pengalaman dan pengetahuan serta aktiviti sukan. Sesungguhnya, usaha untuk merealisasikan aspirasi MALA memerlukan kerjasama dan komitmen dari semua ahli-ahlinya di Malaysia.

*Para hadirin yang dihormati sekalian, ,*

Penganjuran kejohanan sukan PBT mencabar kita semua untuk mencapai objektif kejohanan iaitu untuk mengeratkan perpaduan dan sillaturahim serta menghidupkan semula semangat kesukunan antara warga PBT. Objektif yang lain ialah memberi peluang dan ruang kepada lebih ramai warga PBT untuk bergiat cergas dalam bidang sukan, mencungkil bakat dan potensi yang ada di kalangan warga PBT, mempromosi penganjuran Sukan PBT Malaysia dan menggalakkan masyarakat PBT untuk mengamalkan gaya hidup aktif, cergas dan bersatu.

Persiapan ke arah penganjuran kejohanan ini telah banyak menggunakan masa, tenaga dan titik peluh anggota Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, individu dan agensi yang terlibat, baik dari segi pengurusan rasmi, perbincangan mesyuarat maupun penganjuran acara sukan. Pengorbanan dan ketekunan setiap individu yang terlibat amatlah saya hargai dan

**saya ucapkan jutaan terima kasih atas usaha dan komitmen yang telah diberikan.**

Izinkan saya mencadangkan di sini beberapa cadangan. Saya berpendapat MALA adalah satu platform yang baik dan sesuai untuk ahli-ahlinya bukan sahaja di dalam bidang sukan malahan kita boleh berkongsi dalam bidang:-

- i)     **“Public Administration & Good Governance”**
- ii)    **“Environment” ( Alam Sekitar ) dan pemajuan mampan (“Sustainable Development”)**
- iii)   **Public Services - berkongsi “best practices” di kalangan ahli-ahli MALA.**
- iv)   **“Capacity Building” (Latihan) dan perkongsian idea/projek Sosio – budaya.**
- v)   **ICT**

**Saya percaya setiap ahli MALA mempunyai “best practices” yang boleh dikongsi bersama ahli-ahli MALA.**

Saya telah menghadiri “1<sup>st</sup> Asean City Mayors Forum” di Surabaya, Indonesia pada 24-25 Oktober 2011 yang lepas yang turut di hadiri oleh pegawai dari KPKT, Dato’ Bandar Kota Kinabalu, Terengganu, Ipoh dan Pulau Pinang. Satu agenda dikenali sebagai “City Mayors Forum” telah ditubuhkan diperingkat ASEAN. Oleh itu, amatlah penting dan sesuai MALA turut menjadi ahli di dalam sebarang Jawatankuasa kerja / atau

**teknikal yang ditubuhkan untuk sama-sama menyumbang idea dan pandangan dalam membentuk komuniti ASEAN dari aspek pembangunan PBT.**

**Oleh itu, MALA selain dari berkongsi idea dengan ahli-ahlinya, boleh berkongsi idea dengan Mayors atau Yang diPertua atau Dato' Bandar di peringkat ASEAN.**

**Mungkin MALA boleh menganjurkan satu “konvensyen/seminar PBT untuk membincangkan isu-isu dan cabaran PBT masa kini dan masa hadapan.**

**Dalam kesempatan ini, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Y.Bhg Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah serta barisan warga kerja MBMB yang telah memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran kejohanan boling dan golf dan majlis penutup kejohanan sukan PBT Malaysia 2011.**

**Kepada semua Ahli Jawatankuasa Penganjur, anda adalah kekuatan bagi kejohanan dan kejayaan ini adalah kejayaan kita semua. Kepada pemenang-pemenang kejohanan Sukan PBT Malaysia 2011, tahniah diucapkan. Semoga semangat kesukunan dan semangat berpasukan kekal dalam kalangan kita semua.**

**Marilah kita sama-sama berganding bahu untuk bekerjasama dan berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam semua aspek pengurusan sesbuah PBT. Saya percaya setiap PBT ada**

perkara dan program yang boleh kita pelajari dan laksanakan bersama.

Akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato', tuan-tuan dan puan-puan dan para hadirin sekalian.

**Sekian, terima kasih**

**Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.**

**MAIMUNAH MOHD SHARIF  
Yang DiPertua  
Majlis Perbandaran Seberang Perai  
Merangkap  
Presiden MALA**

**Bertarikh: 3 Disember 2011**